

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (J) 5-2008

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 24 April 2001. Bidang perniagaan utama Perayu ialah mengilang dan membuat minuman dalam tin. Perayu telah mengilang tiga jenis minuman di dalam tin berukuran 250 ml. Minuman ini kebanyakannya dijual di stesyen-stesyen minyak. Minuman pertama mengandungi serbuk kopi segera dan pati herba. Minuman kedua mengandungi madu dan herba. Minuman ketiga mengandungi madu, pati buah kurma dan pati herba. Kesemua minuman tersebut mengandungi 78% kandungan air dan mempunyai rasa yang manis.
2. Pada 31 Julai 2008, Perayu telah terima satu surat dari Cawangan Perkhidmatan Teknik Jabatan Kastam yang memaklumkan bahawa produk minuman di atas dipenjeniskan di bawah kod tarif 2202. 90 900 yang bercukai jualan 10%. Pada 10 November 2008, Perayu telah mengemukakan permohonan kepada Cawangan Perkhidmatan Teknik Jabatan Kastam memohon supaya keputusan penjenisan di atas diubah kepada kepala kod tarif 21.01, 22.02 dan 22.06. Pada 26 November 2008 Jabatan Kastam telah menolak permohonan Perayu.
3. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 5 Januari 2009.

ISU

Alasan rayuan ialah keluaran minuman tersebut “bukan minuman berperisa“ berdasarkan fakta berikut:

1. Bahan asas utama yang digunakan di dalam produk berasaskan Kopi, Herba dan Kurma Madu adalah ekstrak dari kopi, teh, kurma madu, herba tradisional Malaysia, buah-buahan dan sayur-sayuran.
2. Produk minuman bertenaga yang merangsang sistem ketahanan tubuh manusia dan menguatkan badan adalah berbeza dengan produk minuman berperisa yang lain.
3. Perayu juga memohon supaya dipenjeniskan semula produk tersebut di bawah kepala kod tarif 21.01, 22.02 dan 22.06.

(Selepas rayuan difailkan pihak-pihak telah menjalani proses rundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967 tetapi gagal. Pendengaran penuh telah diadakan)

KEPUTUSAN

Tribunal telah memutuskan bahawa produk minuman tersebut adalah minuman tanpa alkohol di bawah kod tarif 2202. 90 900 di dalam Jadual Pertama - Perintah Duti Kastam 2007. Rayuan ditolak.

12 Ogos 2009